

MAHATHIR

DARI K.H. CHAN  
1978

FRANKFURT, 22 MEI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PENGUSAHA GERMAN BAHAWA DASAR-DASAR DAN GARIS-GARISPANDUAN BAGI EKUITI PENYERTAAN DALAM PELABURAN DI MALAYSIA BUKANLAH PERATURAN-PERATURAN KAKU.

BELIAU MEMBERITAHU KIRA-KIRA 100 ORANG PENGUSAHA GERMAN YANG MENGHADIRI SEMINAR GALAKAN PELABURAN DI SINI BAHAWA TERDAPAT BIKAP TOLAK-ANSOR DALAM GARIS-GARISPANDUAN ITU DAN PERLAKSANAANNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA, BEBERAPA FAKTA JUGA DIPERTIMBANGKAN APABILA STRUKTUR EKUITI SESUATU PROJEK ITU DIKAJI.

BELIAU MENGULANGI TAWARAN YANG DIBUATNYA KEPADA PENGUSAHA-PENGUSAHA BRITISH DI BIRMINGHAM TENTANG MALAYSIA SEBAGAI +PUSAT KEUNTUNGAN DI ASIA+ BAGI PARA PELABUR SEBAGAI GANTI KEPADA EKUITI PENYERTAAN DALAM PROJEK-PROJEK MEREKA.

BELIAU JUGA MENGULANGI JAMINANNYA BAHAWA KERAJAAN MALAYSIA TIDAK AKAN CUBA MENUKAR SYARAT-SYARAT EKUITI BAGI MENGUNTUNGAN MALAYSIA — BERSAMBUNG 2048/1B

MAHATHIR @ FRANKFURT

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATAA, BEBERAPA BUAH SYARIKAT TELAH MENYATAKAN KEBIMBINGAN MEREKA BAHAWA WALAUPUN PADA MULANYA PERATURAN EKUITI YANG MEREKA MENERIMA MUNGKIN DILULUSKAN TETAPI KERAJAAN MUNGKIN SETELAH BEBERAPA TAHUN KEMUDIAN CUBA MENGGANTIKAN PERATURAN TERSEBUT SUPAYA MENGUNGTUNGAN MALAYSIA.

+KERAJAAN TERPAKSA MENGEKALKAN REKOD BERTOLAK ANSOR DAN SAYA MEMBERI JAMINAN BAHAWA KITA TIDAK BERMAKSUD MENUKARKAN PERATURAN-PERATURAN ITU DITANGAH JALAN,+ KATANYA.

MENGENAI SUNGUTAN PARA PELABUR TENTANG KELAMBATAN MENDAPAT KELULUSAN BAGI KAKITANGAN ASING YANG DIPERLUKAN OLEH SEKTOR PERILANGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TELAH PUN MEMPERKENALKAN KONSEP BARU.

DIBAWAH SISTEM ITU, SURAT KELULUSAN DARI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TIDAK AKAN CUMA MENGANDUNGI KELULUSAN BAGI PROJEK ITU TETAPI JUGA KELULUSAN BAGI KAKITANGAN ASING YANG DIPERLUKAN OLEH SESABUAH SYARIKAT. — BERSAMBUNG 2052/1B

23  
B570

### MAHATHIR 3 FRANKFURT

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG TURUT BERUCAP MENGENAI AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN BERKATAA, KERAJAN AKAN SENTIASA MENGAJAI DASAR-DASAR DAN CARA-CARA YANG ADA SEKARANG BAGI MENENTUKAN IA SELARAS DENGAN EBUAH NEGARA INDUSTRI YANG MODEN.

DARI 100 PESERTA SEMINAR ITU, 33 MEWAKILI INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN KAYU DAN 13 INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN GETAH.

DUA PULUH ENAM SYARIKAT --ENAM YANG BERMINAT DALAM INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN KAYU KAYAN, ENAM DALAM INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN GETAH DAN 14 BUAH LAGI LAIN-LAIN INDUSTRI--TELAH MEMINTA DIADAKAN PERTEMUAN BERASINGAN DENGAN ROMBONGAN ITU.

SEMINAR ITU MENEKANKAN KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN KAYU-KAYAN DAN GETAH.

TERDAHULU, SEORANGPENGUSAHA UTAMA GERMAN TELAH MEMUJI KEADAAN POLITIK DAN EKONOMI MALAYSIA YANG STABIL DAN BERKATA FAKTA-FAKTA ITU MERUPAKAN YANGPENTING BAGI PELABURAN.

BELIAU IALAH DR. MANFRED THOME IAITU PRESIDEN GABUNGAN INDUSTRI INDUSTRI PERABUT DAN KERJAKAYU GERMAN KEBANGSAAN DAN PRESIDEN GABUNGAN INDUSTRI PERABOT EROPAHAM -- BERSMBUNG 2057/1B

B575:

### MAHATHIR 4 FRANKFURT

DR. THOME KETIKA MENGALU-ALUKAN PARA PESERTA SEMINAR SEBAGAI PENERUS PERSIDANGAN ITU BERKATA, BANYAK NEGARA-NEGARA +MUDA+ MEMPUNYAI KESTABILAN EKONOMI DAN POLITIK YANG RENDAH.

KATANYA, KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI MALAYSIA IALAH SATU CONTOH BAGI ASIA TENGGARA.

DR. THOME MENEKANKAN TENTANG PENTINGNYA MALAYSIA SEBAGAI RAKAN PERDAGANGAN BAGI INDUSTRI KAYU-KAYAN GERMAN.

MALAYSIA MERUPAKAN RAKAN PERDAGANGAN REPABLIKPERSEKUTUAN GERMAN YANG PALINGPETING BAGI KAYU-KAYAN TROPIKA.

KATANYA, MALAYSIA TELAH MEMPUNYAI LEBIH 800 BUAH KILANG PAPAN, KIRA-KIRA 50 BUAH KILANG PAPANLAPIS, DUA BUAH SYARIKAT KAYU SERPIH DAN 34 BUAH SYARIKAT MENGELUAR KEUARAN KAYU-KAYAN UNTUK DIEKSPORT.

BAGAIMANAPUN, PELABURAN SANGAT BEPKURANGAN DALAM SEKTOR ITU TERUTAMA DALAM MEMPROSES KAYU, KATANYA.

DR. THOME JUGA MENGGESA INDUSTRI KAYU-KAYAN GERMAN SUPAYA MENGAJAI KEMUNGKINAN PENUBUHAN PROJEK USAHASAMA DENGAN RAKAN-RAKAN MALAYSIA. -- BERNAMA 2100/1B